

**PEMERKASAAN KEARIFAN TEMPATAN
KOMUNITI BAJAU UBIAN SEBAGAI TARIKAN
PELANCONGAN DI PULAU MANTANANI, KOTA
BELUD**

MOHD JIREY BIN KUMALAH

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
SASTERA**



**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PEMERKASAAN KEARIFAN TEMPATAN KOMUNITI BAJAU UBIAN
SEBAGAI TARIKAN PELANCONGAN DI PULAU MANTANANI, KOTA
BELUD**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)**

Saya **Mohd Jirey Bin Kumalah**, Sesi **2014-2017**, mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan bagi tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



MOHD JIREY BIN KUMALAH
MA1411040T

Disahkan Oleh,
NURULAIN BINTI ISMAIL

LIBRARIAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 08 Sept 2017




(Profesor Madya D. Jabir Bin Mapjabil)
Penyelia

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

27 Mac 2017



.....
Mohd Jirey Bin Kumalah
MA1411040T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **MOHD JIREY BIN KUMALAH**

NO. MATRIK : **MA1411040T**

TAJUK : **PEMERKASAAN KEARIFAN TEMPATAN KOMUNITI
BAJAU UBIAN SEBAGAI TARIKAN PELANCONGAN DI
PULAU MANTANANI, KOTA BELUD**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)**

TARIKH VIVA : **09 OGOS 2017**

DISAHKAN OLEH:

PENYELIA

Professor Madya Dr. Jabil Mapjabil



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Jabil Mapjabil', is written over a horizontal line.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan lafaz penuh kesyukuran kepada Allah yang Maha Esa kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, maka tesis penyelidikan sarjana ini dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Tesis ini adalah hasil usaha dan kerjasama mereka yang banyak membantu saya dalam menyempurnakan penyelidikan ini.

Sekalung penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr. Jabil Bin Mapjabil selaku penyelia yang banyak meluangkan masa memberi bimbingan, tunjuk ajar dan panduan bermakna dalam menyempurnakan penyelidikan ini. Semoga Allah memberkati segala jasa baik dan dedikasi yang diberikan.

Saya turut merakamkan sekalung penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah yang telah menyediakan Geran Penyelidikan UMS - Skim Penyelidikan Bidang Keutamaan (SPBK) : SBK0215-SS-2015 yang bertajuk "Strategi Pembasmian Kemiskinan Melalui Pemerkasaan Kearifan Tempatan Komuniti Pulau Sebagai Tarikan Pelancongan" diketuai oleh Profesor Madya Dr. Jabil Bin Mapjabil dan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) - Kementerian Pengajian Tinggi bertajuk "*Innovative Local Knowledge Repository Support System*" (203/PTS/6727003) di bawah Projek 5 yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Tarmiji Bin Masron. Pengalaman sebagai pembantu penyelidik untuk kedua-dua geran ini adalah sangat bermakna untuk saya.

Kajian ini tidak sempurna tanpa bantuan daripada ahli keluarga yang tidak putus memberikan sokongan dan galakan positif untuk teruskan perjuangan ini terutamanya kepada ibu dan bapa saya. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada penduduk Pulau Mantanani, pegawai kerajaan dan pengusaha resort yang sudi untuk ditemu bual. Kerjasama yang diberikan oleh kalian amat saya hargai. Kepada sahabat seperjuangan terima kasih atas semangat setiakawan yang ditunjukkan. Sekalung penghargaan juga kepada Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan dan semua pensyarah khususnya pensyarah Bahagian Geografi.

Akhir kata, jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Jasa kalian amat dihargai dan hanya Tuhan yang mampu membalasnya. Segala yang baik itu adalah kurniaan Allah Azza Wajala dan yang buruk itu adalah kelemahan saya sendiri.

Mohd Jirey Bin Kumalah
27 Mac 2017

ABSTRAK

Kajian ini adalah tentang pemerksaan kearifan tempatan komuniti Bajau Ubian sebagai produk pelancongan berasaskan komuniti di Pulau Mantanani. Isu kearifan tempatan banyak dikaji dalam pelbagai disiplin ilmu seperti kaji iklim, pendidikan dan pemuliharaan biodiversiti. Namun, perkaitan kearifan tempatan dan sektor pelancongan masih kurang dikaji. Terdapat empat objektif dalam kajian ini, iaitu (i) mengenal pasti kategori, jenis dan ciri-ciri kearifan tempatan komuniti Bajau Ubian; (ii) meninjau tahap ketersediaan komuniti terhadap rancangan pelaksanaan pelancongan berasaskan komuniti; (iii) meneliti peranan institusi sokongan dalam membantu komuniti Bajau Ubian untuk membangunkan kearifan tempatan mereka sebagai suatu tarikan pelancongan dan (iv) mencadangkan strategi dan langkah pemerksaan yang boleh dilaksanakan agar kearifan tempatan komuniti di pulau ini dapat dijadikan sebagai tarikan pelancongan berasaskan komuniti. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah pendekatan penerokaan dengan mengaplikasikan kaedah kualitatif dan disokong oleh kaedah kuantitatif. Responden kajian ini terdiri daripada 8 orang mahir dalam kearifan tempatan terpilih, 205 orang responden dalam kalangan penduduk setempat dan 9 orang responden dari institusi sokongan atau pihak pemegang taruh. Teknik pengumpulan data yang digunakan adalah temu bual mendalam, senarai semak, borang soal selidik, temu bual tidak langsung dan pemerhatian. Dapatan kajian menunjukkan setiap kearifan tempatan adalah berpotensi dijadikan sebagai produk pelancongan mengikut kelestarian kemahiran tersebut iaitu (i) mengikut musim seperti makanan tradisional, majlis keraian dan perayaan; (ii) kemahiran yang masih diamalkan seperti kategori permainan tradisi, kemahiran hidup, kemahiran kraftangan dan pertukangan serta (iii) kategori seni tarian dan muzik pula mengalami kepupusan kecuali tarian *Igal-Igal* sahaja yang masih diamalkan. Seterusnya, tahap ketersediaan responden terhadap rancangan pelaksanaan PBK adalah responsif dengan 80 peratus yang bersedia melaksanakannya. Seterusnya, majoriti responden memilih tiga jenis kearifan tempatan yang berpotensi untuk dipromosikan sebagai produk pelancongan iaitu perusahaan produk berasaskan laut, produk berasaskan pulau dan perusahaan kuih-muih. Selain itu, institusi sokongan atau pihak pemegang taruh didapati komited dan menyokong rancangan pelaksanaan PBK di Pulau Mantanani dan sedia membantu penduduk tempatan dari pelbagai cara seperti menganjurkan kursus keusahawanan dalam pelancongan, kempen menjaga alam sekitar dan pemuliharaan budaya warisan. Seterusnya, isu semasa di pulau seperti kebersihan, bekalan elektrik dan perpaduan serta langkah yang telah dilaksanakan sebelum ini seperti penubuhan homestay dan kempen kesedaran pantai di Pulau Mantanani turut diambil kira sebagai cadangan strategi dan langkah dalam memperksakan kearifan tempatan sebagai tarikan pelancongan berasaskan komuniti yang berdaya saing. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan kearifan tempatan mempunyai potensi dijadikan sebagai tarikan pelancongan. Untuk itu, tahap penerimaan komuniti yang responsif dan komitmen instiusi sokongan yang digerakkan oleh pihak pemegang taruh adalah nadi utama dalam menjayakan rancangan pelaksanaan pelancongan berasaskan komuniti di Pulau Mantanani.

ABSTRACT

LOCAL KNOWLEDGE EMPOWERMENT AS COMMUNITY-BASED TOURISM ATTRACTIVE IN PULAU MANTANANI, KOTA BELUD

This study is focused on highlighting the empowerment of local knowledge of the Bajau Ubian community in Pulau Mantanani as a community based-tourism product. The issue of local knowledge has been studied in many disciplines such as climatology, education and biodiversity conservation. Despite so, the link between local knowledge and the tourism sector is rarely studied. There are four objectives in this study, viz. (i) identification of category, type and characteristics of local knowledge of of the Bajau Ubian community; (ii) examine the levels of readiness of the community towards the implementation programme of community-based tourism; (iii) examine the role of support institutions in assisting the Bajau Ubian community in developing their local knowledge as a tourism attraction, and (iv) recommending strategies and steps to empower local communities in developing local knowledge-based tourism. The study design is based on an exploratory approach by applying qualitative and quantitative methods. The respondents consisted of 8 persons well versed in the wisdom of the locals, 205 local respondents and 9 students of the institution which support stakeholders. Data collection techniques used are in-depth interviews, checklists, questionnaires, interviews and direct observation. The findings showed that each local wisdom has good potentials as a tourism product in accordance with the preservation of the skills of (i) seasonal traditional food, ceremonies and celebrations; (ii) tradition games, life skills, handicrafts and carpentry skills, and (iii) category of the art of dance and music which may become extinct unless dances "Igal-Igal" are still practiced. Hence, the availability of respondents to plan the implementation of CBT is responsive to the 80 per cent who are ready to implement it. Further, the majority of respondents chose three kinds of local wisdom that has the potential to be promoted as a tourism product, namely its sea-based products, products based on the island and its confectionery. In addition, institutional support or the stakeholders are committed and support the implementation of the plan in Pulau Mantanani CBT, including locals in various ways such as encouraging entrepreneurship in tourism, campaigns to protect the environment and the conservation of cultural heritage. In addition, the current issue of the island such as sanitation, electricity and solidarity as well as the measures that have been implemented earlier, such as the establishment of the homestay and awareness campaigns beach in Pulau Mantanani, must also taken into account as backup strategies and measures to strengthen local wisdom as a tourist attraction employed by competitive communities. In conclusion, this study showed that local knowledge has the potential to serve as a tourist attraction. Therefore, the level of community acceptance and commitment from institutions must be responsive to support what is driven by the main stakeholders as these are the lifeblood of the success of the implementation of community-based tourism plan in Pulau Mantanani.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI FOTO	xviii
SENARAI SINGKATAN	xx
SENARAI LAMPIRAN	xxi
BAB 1 PENDAHULUAN	Halaman
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Skop Kajian	7
1.6.1 Isu Kajian	7

1.6.2	Lokasi Kajian	7
1.6.3	Responden Kajian	8
1.7	Kawasan Kajian	8
1.7.1	Latar Belakang Lokasi Kajian	8
1.7.2	Justifikasi Pemilihan Lokasi Kajian	9
1.8	Kepentingan Kajian	10
1.9	Organisasi Bab Dalam Tesis	11
1.10	Kesimpulan	12

BAB 2 TINJAUAN BAHAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	13
2.2	Konsep Utama Kajian	13
2.2.1	Pemeriksaan	13
2.2.2	Kearifan Tempatan	14
2.2.3	Pelancongan	16
2.2.4	Pelancongan Berasaskan Komuniti (PBK)	17
2.3	Definisi Operasional Untuk Konsep Utama Kajian	18
2.4	Latar Belakang Teori Dan Model Dalam Kearifan Tempatan Dan Pelancongan Berasaskan Komuniti	20
2.4.1	Teori Keaslian (<i>Authenticity Theory</i>)	20
2.4.2	Model Sistem Kearifan Tempatan dan Kearifan Tempatan Global	21
2.4.3	Model Pelancongan Berasaskan Komuniti	22

2.4.4	Teori Penyertaan dalam Pelancongan Berasaskan Komuniti	24
2.5	Program Dan Strategi Pembasmian Kemiskinan Di Malaysia	26
2.6	Latar Belakang Komuniti Bajau Ubian	29
2.7	Sorotan Kajian Lepas Berkaitan Kearifan Tempatan Dan Pelancongan Berasaskan Komuniti	30
2.7.1	Latar Belakang Kearifan Tempatan di Peringkat Antarabangsa	30
2.7.2	Latar Belakang Pelancongan Berasaskan Komuniti di Peringkat Antarabangsa dan Kebangsaan	33
2.7.3	Tahap Penglibatan Komuniti dalam Pelancongan Berasaskan Komuniti	36
2.7.4	Kebaikan dan Kegagalan Pelancongan Berasaskan Komuniti	38
2.8	Lompang Kajian	39
2.9	Kerangka Konseptual Kajian	40
2.10	Kesimpulan	42
		
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	43
3.2	Reka Bentuk Kajian	43
3.3	Kaedah Penyelidikan	44
3.3.1	Kaedah Penyelidikan Kualitatif	44
3.3.2	Kaedah Penyelidikan Kuantitatif	45
3.4	Teknik Pengumpulan Data	46
3.4.1	Data Primer	46
3.4.2	Data Sekunder	46

3.5	Instrumen Kajian	47
3.5.1	Kaedah Senarai Semak	47
3.5.2	Kaedah Soal Selidik	47
3.5.3	Kaedah Temu Bual Mendalam	48
3.5.4	Kaedah Pemerhatian	48
3.6	Persampelan Dan Populasi	49
3.6.1	Jumlah Sampel	49
3.6.2	Kaedah Pemilihan Sampel	50
3.7	Kaedah Rintis	52
3.8	Teknik Analisis Data	52
3.8.1	Data Kajian Kualitatif	52
3.8.2	Data Kajian Kuantitatif	53
3.9	Teknik Persembahan Data	53
3.9.1	Pendekatan Analisis Kandungan (Data Kualitatif)	53
3.9.2	Transkripsi Verbatim (Data Kualitatif)	54
3.9.3	Jadual dan Rajah (Data Kualitatif Dan Kuantitatif)	54
3.10	Carta Aliran Metodologi Kajian	54
3.11	Penulisan Laporan Kajian	57
3.12	Etika Penyelidikan	57
3.13	Kesimpulan	58

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	59
-----	------------	----

4.2	Profil Demografik Responden Mahir Terpilih	59
4.3	Kategori Dan Ciri-Ciri Kearifan Tempatan Yang Dimiliki Oleh Komuniti Kaum Bajau Ubian	60
4.3.1	Ciri-Ciri Seni Tarian dan Muzik Komuniti Bajau Ubian	60
4.3.2	Makanan Tradisional Komuniti Bajau Ubian'	64
	i Kategori Masakan Tradisional Berasaskan Pulau	65
	ii Kategori Masakan Tradisional Berasaskan Laut	68
	iii Kategori Kuih-Muih Tradisional Berasaskan Pulau	74
4.3.3	Majlis Keraian dan Perayaan Komuniti Bajau Ubian	80
4.3.4	Permainan Tradisi Komuniti Bajau Ubian	84
	i Permainan Tradisi Komuniti Bajau Ubian	84
4.3.5	Kemahiran Kraftangan dan Pertukangan Komuniti Bajau Ubian	90
	i Kategori Kemahiran Kraftangan Berasaskan Pulau	91
4.3.6	Kemahiran Hidup Komuniti Bajau Ubian	104
	i Kemahiran Hidup Komuniti Bajau Ubian	105
4.4	Ketersediaan Komuniti Tempatan Terhadap Rancangan Pelaksanaan Pelancongan Berasaskan Komuniti	107
4.4.1	Analisis Profil Demografik Responden	108
4.4.2	Pengetahuan Responden Terhadap Pelancongan Berasaskan Komuniti	110
4.4.3	Sumber Pengetahuan Komuniti Tempatan Terhadap Pelancongan Berasaskan Komuniti	111
4.4.4	Keperluan Komuniti dalam Pelancongan Berasaskan Komuniti	112
4.4.5	Manfaat Pelancongan Berasaskan Komuniti	112

4.4.6	Bidang Kearifan Tempatan yang Ingin Dipromosikan	113
4.4.7	Ketersediaan Komuniti Tempatan Terhadap Rancangan Pelaksanaan Pelancongan Berasaskan Komuniti	114
4.5	Peranan Institusi Sokongan Dalam Membantu Komuniti Bajau Ubian Untuk Membangunkan Kearifan Tempatan Sebagai Suatu Tarikan Pelancongan	115
4.5.1	Peranan Kerajaan Tempatan dalam Membantu Komuniti Bajau Ubian	116
4.5.2	Peranan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam Membantu Komuniti Bajau Ubian	118
4.5.3	Peranan Sektor Swasta (Resort) dalam Membantu Komuniti Bajau Ubian	122
4.5.4	Persepsi Pelancong Antarabangsa dalam Membantu Komuniti Bajau Ubian	128
4.6	Strategi Dan Langkah Pemeraksanaan Kearifan Tempatan Sebagai Produk Pelancongan Berasaskan Komuniti	131
4.6.1	Isu Yang Dihadapi Komuniti Di Pulau Mantanani	131
4.6.2	Langkah Yang Telah dilaksanakan Di Pulau Mantanani	134
4.6.3	Strategi dan Langkah Pemeraksanaan Kearifan Tempatan Sebagai Tarikan Pelancongan Berasaskan Komuniti	135
4.7	Kesimpulan	136

BAB 5 TAFSIRAN DAN PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	138
5.2	Rasional Pemilihan Enam Kategori Kearifan Tempatan	138
5.3	Kategori, Jenis Dan Ciri-Ciri Kearifan Tempatan Komuniti Bajau Ubian Yang Berpotensi Sebagai Tarikan PBK	139
5.3.1	Seni Tarian dan Muzik	139

5.3.2	Makanan Tradisional	140
5.3.3	Majlis Keraian dan Perayaan	141
5.3.4	Permainan Tradisi Komuniti Bajau Ubian	142
5.3.5	Kemahiran Kraftangan dan Pertukangan	143
5.3.6	Kemahiran Hidup	144
5.4	Tahap Ketersediaan Terhadap Rancangan Pelaksanaan Pelancongan Berasaskan Komuniti	145
5.4.1	Tahap Pengetahuan Komuniti Mengenai PBK	145
5.4.2	Sumber Pengetahuan Komuniti Mengenai PBK	145
5.4.3	Keperluan Komuniti dalam Pelancongan Berasaskan Komuniti	146
5.4.4	Manfaat Pelancongan Berasaskan Komuniti	146
5.4.5	Bidang Kearifan Tempatan Yang Dipromosikan	146
5.4.6	Tahap Ketersediaan Komuniti Terhadap Rancangan Pelaksanaan Pelancongan Berasaskan Komuniti	147
5.5	Peranan Institutsi Sokongan Atau Pihak Pemegang Taruh	148
5.5.1	Peranan Agensi Kerajaan	148
5.5.2	Peranan Badan Bukan Kerajaan (NGO)	148
5.5.3	Peranan Sektor Swasta	149
5.5.4	Persepsi Pelancongan Antarabangsa	149
5.6	Cadangan Strategi Dan Langkah Dalam Pemerksaan Kearifan Tempatan	150
5.6.1	Isu Yang Dihadapi Komuniti Di Pulau Mantanani	150
5.6.2	Langkah Yang Telah Dilaksanakan Di Pulau Mantanani	150
5.6.3	Strategi dan Langkah Pemerksaan Kearifan Tempatan	151

5.7	Kesimpulan	151
-----	------------	-----

BAB 6 RUMUSAN DAN PENUTUP

6.1	Pengenalan	153
6.2	Penemuan Kajian	153
6.2.1	Kearifan Tempatan Komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani	154
6.2.2	Tahap Ketersediaan Komuniti Bajau Ubian terhadap Rancangan Pelaksanaan PBK di Pulau Mantanani	155
6.2.3	Institusi Sokongan Atau Pihak Pemegang Taruh	156
6.2.4	Strategi dan Langkah Pemeraksanaan Kearifan Tempatan Komuniti Bajau Ubian Sebagai Tarikan Pelancongan yang	156
6.3	Implikasi Dasar Dan Cadangan	156
6.3.1	Menganjur dan Mempromosikan Kearifan Tempatan Secara Sistematik, Berterusan Dan Bersepadu	157
6.3.2	Menyedia dan Menawarkan Pakej Pelancongan Yang Menonjolkan Kearifan Tempatan Sebagai Produk Tarikan Pelancong	157
6.3.3	Menubuhkan Koperasi Untuk Menjana Modal, Menjaga Kebajikan dan Menyelaras Logistik Produk Kearifan Tempatan	158
6.3.4	Menyedia dan Meningkatkan Kemahiran Keusahawanan, Pengurusan Perniagaan Pelancongan dan Hospitaliti	158
6.3.5	Menyelaras dan Mengintegrasikan Peranan dan Sumbangan Pihak Pemegang Taruh Yang Menjadi Institusi Sokongan Terhadap Pelancongan Berasaskan Komuniti	159
6.3.6	Mengaplikasi Kecanggihan Media dan Teknologi Untuk Mempromosi dan Menyelaras Produk Kearifan Tempatan Sebagai Tarikan Pelancongan Berasaskan Komuniti	159
6.4	Sumbangan Kajian	160

6.4.1	Bidang Pelancongan	160
6.4.2	Bidang Akademik – Geografi Pelancongan	160
6.4.3	Bidang Ekonomi – Komuniti	160
6.4.4	Polisi Dan Dasar Kerajaan	161
6.5	Cadangan Kajian Masa Depan	161
6.6	Penutup	162
BIBLIOGRAFI		163
LAMPIRAN		172



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Statistik Ketibaan Pelancong Ke Sabah (2002 - 2014)	3
Jadual 2.1	Definisi Konsep PBK Daripada Pelbagai Perspektif Penyelidik	18
Jadual 2.2	Definisi Operasional Untuk Konsep Utama	19
Jadual 2.3	Persamaan dan Perbezaan Antara Sistem Pengetahuan Tradisional dan Pemikiran Barat	33
Jadual 2.4	Tipologi Penglibatan Komuniti	37
Jadual 3.1	Bilangan Responden Mengikut Lokasi	50
Jadual 4.1	Profil Demografik Responden Mahir Terpilih	60
Jadual 4.2	Pakaian Tradisional Komuniti Bajau Ubian	64
Jadual 4.3	Kronologi Majlis Perkahwinan Komuniti Bajau Ubian	81
Jadual 4.4	Profil Demografik Komuniti Pulau Mantanani	109
Jadual 4.5	Tahap Pengetahuan	110
Jadual 4.6	Tahap Pengetahuan Mengikut Jantina	111
Jadual 4.7	Sumber Pengetahuan	111
Jadual 4.8	Bidang Kearifan Tempatan Yang Ingin Dipromosikan	114
Jadual 4.9	Tahap Ketersediaan Komuniti	114
Jadual 4.10	Tahap Ketersediaan Mengikut Jantina	115
Jadual 4.11	Profil Responden Institusi Sokongan	115

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	Peta Pulau Mantanani	9
Rajah 2.1	Sistem Kearifan Tempatan dan Kearifan Tempatan Global	21
Rajah 2.2	Model Pelancongan Berasaskan Komuniti	23
Rajah 2.3	Model Pelancongan Berasaskan Komuniti	26
Rajah 2.4	Kerangka Konseptual Kajian	41
Rajah 3.1	Carta Alir Proses Penyelidikan	56
Rajah 4.1	Keperluan Komuniti dalam PBK	112
Rajah 4.2	Manfaat PBK	113



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

		Halaman
Foto 4.1	Upacara Menyelitkan Duit Di Celahan Jari <i>Sangbai</i>	61
Foto 4.2	Perlawanan Antara Penyanyi Dengan Penari	62
Foto 4.3	Putu	65
Foto 4.4	Tompe' atau Tinompe'	66
Foto 4.5	Binamban Panggi' Kayu	67
Foto 4.6	Sinagol	68
Foto 4.7	Kima	69
Foto 4.8	Kilau	70
Foto 4.9	Tehe'-Tehe'	71
Foto 4.10	Lato'	72
Foto 4.11	Ikan Masin	73
Foto 4.12	Bobohan	74
Foto 4.13	Tahai	75
Foto 4.14	Baulu atau Bahulu	76
Foto 4.15	Jala atau Jah	77
Foto 4.16	Panjaram atau Panyam	78
Foto 4.17	Binamban Gandum	79
Foto 4.18	Semasa Bertandang ke Rumah Pengantin	83
Foto 4.19	Semasa Pulang ke Rumah	83
Foto 4.20	Magjangkal-jangkal	85

Foto 4.21	Belatin	86
Foto 4.22	Magolen	88
Foto 4.23	Maggetah	89
Foto 4.24	Magselipar	90
Foto 4.25	Bonggok'	92
Foto 4.26	Bot biasa	93
Foto 4.27	Tongkang	94
Foto 4.28	Busai Kellek dan Busai biasa	95
Foto 4.29	Pitikan	96
Foto 4.30	Ul'lang-Ul'lang	97
Foto 4.31	Putuhan	98
Foto 4.32	Ulaian'	99
Foto 4.33	Maganyam Tepoh	100
Foto 4.34	Kuhut	101
Foto 4.35	Kraftangan Berasaskan Kulit Cengkerang	103
Foto 4.36	Hiasan Akar Pokok	104
Foto 4.37	Magdaing asin	105
Foto 4.38	Sangbaw atau gintul	106
Foto 4.39	Ambitan	107
Foto 5.1	Permainan Tradisi	142
Foto 5.2	Kraftangan Berasaskan Laut	143
Foto 5.3	Pitikan	144



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

CBT	<i>Comunity Based-Tourism</i>
KEPKAS	Kementerian Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah
NGO	Badan Bukan Kerajaan
PBK	Pelancongan Berasaskan Komuniti
REST	<i>The Responsible Ecological Social Tours Project</i>
UNESCO	<i>The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A** Senarai Pengetahuan Tempatan (*Checklist*)
- LAMPIRAN B** Soalan Panduan Temu Bual Bagi Kumpulan Sasaran
- LAMPIRAN C** Borang Soal Selidik



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bab 1 merupakan bahagian pendahuluan yang membincangkan latar belakang kajian tentang pemeraksanaan kearifan tempatan sebagai produk pelancongan berasaskan komuniti (PBK). Seterusnya, penelitian terhadap permasalahan kajian diikuti oleh persoalan kajian yang membawa kepada pernyataan empat objektif dalam kajian ini. Bab ini turut menerangkan skop kajian yang meliputi aspek skop isu yang dikaji, lokasi dan responden serta penjelasan ringkas mengenai profil kawasan kajian. Bahagian akhir bab ini menghuraikan kepentingan kajian diikuti oleh ringkasan organisasi bab dalam tesis.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Industri pelancongan merupakan sektor ekonomi yang penting dan berpengaruh dalam pasaran dunia pada masa ini. Dalam konteks Malaysia, perkembangan industri pelancongan didapati lebih teratur pada awal tahun 1970-an apabila pihak kerajaan mula terlibat secara serius dalam sektor tersebut (Redzuan et al. 2002). Sehubungan itu, pelancongan menjadi salah satu daripada 12 sektor dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Areas*, NKEA) selain sektor minyak, gas dan tenaga, pertanian, elektrik dan elektronik serta pendidikan (Unit Perancang Ekonomi, 2001). Untuk terus kekal berdaya saing, sesebuah destinasi pelancongan haruslah mempunyai strategi dan inisiatif pemasarannya yang tersendiri untuk membolehkan sesuatu produk pelancongan yang ditawarkan mendapat tempat dalam sesebuah pasaran (Hawkes & Kwornik, 2006).

Menurut Noor Fzlinda et al. (2012), isu pembangunan komuniti luar bandar bergantung terhadap sektor pertanian yang dijalankan mengikut cara tradisional. Dalam menangani isu tumpuan yang berlebihan kepada sektor tersebut, kerajaan Malaysia

mengambil inisiatif untuk meningkatkan pendapatan komuniti yang dianggap mundur, miskin dan terpinggir daripada pembangunan itu melalui beberapa strategi. Antaranya ialah menggalakkan komuniti luar bandar untuk melibatkan diri dalam sektor pelancongan seperti perniagaan berasaskan sumber kampung, pengeluaran makanan tempatan, homestay dan kraftangan (Noor Fzlinda et al., 2012; Berma, 2001; Rutten, 1999; Taimni, 1981). Tosun (1998) menegaskan penyertaan komuniti dalam pelancongan adalah suatu penyesuaian dan paradigma bersifat fleksibel yang membolehkan komuniti mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan pembangunan di kawasan mereka. Sehubungan itu, komuniti tempatan boleh mengambil bahagian dalam projek ekopelancongan pada setiap peringkat pembangunan termasuk perancangan, pelaksanaan dan manfaat perkongsian (Drake, 1991). Penyertaan dalam proses perancangan ini termasuklah mengenal pasti masalah, merumus alternatif, merancang aktiviti dan memperuntukkan sumber. Idea berkongsi manfaat bermakna masyarakat tempatan menerima manfaat ekonomi, sosial, politik dan budaya dari projek itu, sama ada secara individu mahupun kolektif (Drake, 1991).

Berdasarkan laporan Kementerian Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah - KEPKAS (2015), statistik ketibaan pelancong ke negeri Sabah sama ada pelancong domestik mahupun antarabangsa menunjukkan peningkatan yang konsisten setiap tahun (Jadual 1.1). Dari tempoh tahun 2002 sehingga 2014, kira-kira 29 juta orang pelancong melawat ke negeri ini dengan menyumbang sebanyak RM80 bilion kepada pendapatan negeri. Sehubungan itu, peningkatan kadar pertumbuhan pelancongan tahunan adalah memberangsangkan iaitu sebanyak 13.5% dalam tempoh 6 tahun yang lalu. Untuk memperkasakan sektor pelancongan di Sabah, pihak kerajaan negeri giat mempromosikan pelbagai tarikan pelancongan berasaskan budaya dan alam sekitar. Antaranya termasuklah Taman Kinabalu, Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok, Taman Pertanian Tenom, Taman Tunku Abdul Rahman, Pulau Sipadan dan Taman Hidupan Liar.